

Persamaan Ayat Kata Tanya Dalam Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu: Suatu Kajian Kontrastif

Fauzi Azmi¹, Janudin Sardi², Muhamad Zaidi Zakaria³, Asma' Ammar^{4*}

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

^{2,3,4} Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, 40450 Shah Alam, Selangor Malaysia
asma_ammam@uitm.edu.my
*Corresponding Author

<https://doi.org/10.24191/gading.v27i0.432>

Received: 22 December 2023

Accepted: 24 January 2024

Date Published Online: 15 March 2024

Abstrak: Kajian linguistik kontrastif diaplikasikan dalam dunia pendidikan dan pengajaran bermatlamat memudahkan kefahaman dalam pembelajaran bahasa. Aspek persamaan dapat memudahkan kefahaman para pelajar dan merapatkan jurang perbezaan antara dua bahasa atau lebih antara rumpun bahasa yang berbeza. Kajian kontrastif ini bertujuan mengenal pasti persamaan ayat kata tanya dalam bahasa Arab (BA) dan bahasa Melayu (BM). Kajian ini merupakan kajian kualitatif, deskriptif dan analisis kontrastif berdasarkan teks dalam kedua-dua bahasa. Teori struktural dan teori pragmatik diaplikasi dalam menganalisis persamaan ini. Dapatan kajian menjelaskan terdapat 11 ciri persamaan ayat kata tanya dalam BA dan BM. Objektif kajian ini juga tercapai, iaitu; membantu para pelajar untuk menguasai bahasa asing dengan lebih mudah, pantas dan menyeronokkan. Kajian ini menyumbang kepada dimensi penerokaan baharu dalam kajian linguistik kontrastif BA dan BM.

Kata kunci: Bahasa Arab, Bahasa Melayu, kontrastif, linguistik, pragmatik

Pengenalan

Kajian linguistik kontrastif diaplikasikan untuk membantu tenaga pengajar, penggubal kurikulum dan penulis buku untuk merangka mata pelajaran bahasa kedua kepada pelajar yang membunyai latar belakang bahasa yang berbeza. Kajian ilmu linguistik kontrastif (*contrastive linguistics*) merupakan suatu kajian antara dua bahasa yang berlainan rumpun seperti bahasa Arab (BA) yang berasal daripada Semitik dan bahasa Melayu (BM) daripada rumpun Polinesia menurut Maḥmūd Fahmi Ḥijāziy (1973). Linguistik kontrastif membandingkan struktur dua bahasa dan menentukan titik-titik di mana mereka berbeza. Perbezaan inilah merupakan kesukaran dalam mempelajari bahasa menurut Lado (1980).

Aspek persamaan dalam kedua-dua bahasa ini, memudahkan proses pengajaran, pembelajaran dan penterjemahan. Perbezaan pula merupakan masalah dan kesukaran dalam menguasai bahasa kedua. Kajian linguistik kontrastif ini diaplikasikan bagi memudahkan pengajaran, pembelajaran dan penterjemahan BA sebagai bahasa kedua. Antara kepentingan hasil kajian ini ialah memaparkan aspek persamaan ayat kata tanya dalam BA dan BM bagi mempercepatkan kefahaman para pelajar dalam pembelajaran dan membantu mereka dalam berkomunikasi dengan baik dan betul.

Gaya Bahasa Pertanyaan dalam Bahasa Arab


Dalam BA kata tanya bermaksud meminta keterangan sesuatu yang belum diketahui dengan menggunakan partikel tertentu menurut Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab (2004). Perkataan *al-istifhām* (pertanyaan) menurut bahasa berasal daripada kata kerja *istafhama* yang bererti minta mengerti (memahami) atau mengerti sesuatu perkara. Sebagai contoh, apabila seseorang berkata, “*Istafhama min fulāni ‘an al-amri*” maksudnya meminta daripada seseorang agar menjelaskan sesuatu atau memberitahu apa yang terkandung dalam diri orang yang ditujukan pertanyaan, ataupun dengan kata lain mencari sesuatu khabar yang tiada padanya. Dalam konteks pengajian nahu (sintaksis) *istifhām* merupakan suatu bidang yang dipelajari berhubung gaya bahasa, struktur ayat, dan pertanyaan. Penggunaan perkataan ini (pertanyaan) dalam sesuatu ayat memerlukan jawapan sama ada jawapan itu “Ya” atau “Tidak” atau dengan penjelasan (*tāyyīn*) berdasarkan Ensiklopedia Islam Safir, jilid 15 (2000). Para ahli nahu juga membincangkan partikel kata tanya dalam pelbagai dimensi, antaranya; pengaplikasiannya dalam aspek fungsi, fleksi dan semantikanya.

Para sarjana balaghah, ulūm al-Quran dan mufassir turut mendiskusikan gaya bahasa pertanyaan menurut perspektif masing-masing. Antara aspek yang menjadi fokus mereka ialah kedudukan, peranan partikel kata tanya, rahsia-rahsia di sebalik penggunaannya, makna kata tanya dari sudut masa dan kedudukan orang kedua dalam ayat kata tanya.

Gaya Bahasa Pertanyaan dalam Bahasa Melayu

Asmah Omar (1980) mendefinisikan ayat tanya sebagai ayat yang memerlukan jawapan. Dalam bahasa Melayu ayat tanya ditandai oleh intonasi tanya yang meninggi sedikit sebelum kesenyapan terakhir (Mahmūd Jadd Rabb, 1998). Definisi ayat tanya menurut Nik Safiah Omar et. al. (2013) ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal. Dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu (Nik Safiah et. al, 2013). Definisi ayat tanya yang diutarakan oleh Arbak Othman juga hampir sama dengan kedua-dua definisi di atas. Menurut Arbak Othman ayat tanya adalah ayat yang diucapkan dengan intonasi tanya yang diakhiri dengan nada penutup meninggi atau nada penutup menurun yang didahului oleh nada meninggi pada perkataan yang mengakhiri kata tanya itu.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga definisi ayat kata tanya di atas, kesemuanya menyatakan antara elemen penting dalam ayat kata tanya dalam bahasa Melayu ialah peranan intonasi dalam mengayakan ayat tersebut. Menurut Nik Safiah et. al, (2013) intonasi ayat tanya dalam bahasa Melayu biasanya mempunyai tingkat nada 2-4-3-2, dengan nada 3 yang terletak pada suku kata akhir kembali ke nada 4 sebagai penutup ayat. Contohnya:



Intonasi ini digunakan dalam bentuk pertanyaan kepada seorang pendengar untuk dijawab oleh orang yang ditanyakan.

Ayat tanya dapat juga dibentuk dengan partikel *-kah* yang diletakkan pada predikat yang kemudian mengalami penjudulan, yakni dipindahkan ke hadapan ayat oleh sebab predikat yang disertai partikel *-kah* itu dipentingkan. Daripada ayat biasa Pegawai itu pengurus, ayat tanya dengan partikel *-kah* berbentuk

Penguruskah pegawai itu?

Maka intonasi ayat di atas adalah seperti yang berikut, iaitu 2-3-1-43.

Sorotan Karya

Muhammad Nasir (1991) dalam disertasi bertajuk *Dirāsah Taqābuliyyah bayna al-Lughah al-Arabiyyah wa al-Māliziyyah ‘ala mustawa al-Jumlah al-Istifhāmiyyah*. Beliau telah mengkaji pembentukan ayat-ayat tanya di antara BA dan BM dengan menjelaskan ciri-ciri utama ayat tanya kedua-dua bahasa dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan ayat tanya di antara kedua-duanya. Kajian ini hanya memfokuskan aspek sintaksis sahaja sedangkan makalah ini meliputi kajian kontrastif dalam disiplin ilmu balaghah, semantik dan pragmatik.

Zakaria bin Umar (1994) dalam disertasinya *al-Asālīb al-Tarkībiyyah fī al-Lughatayn al-Arabiyyah wa al-Mālāyūwiyyah: Dirāsah wasfiyah taqābuliyyah* memfokuskan kajian kontrasif terhadap gaya struktur ayat dalam BA dan BM yang melibatkan *uslūb al-Nafi*, *uslūb al-tawkid*, *uslūb istifhām*, *uslūb al-shart* dan *uslūb al-istithna’*

Salmah Ahmad dalam makalahnya (1999) ‘Ilmu ma’ani: Kajian perbandingan dengan bahasa Melayu dalam. Balkis Hj. Abu Bakar et. al. memaparkan sebahagian besar dari tajuk-tajuk ‘Ilmu al-ma’ani terdapat persamaan antara BA dengan BM. Antaranya ialah *al-khabar*, *al-insyā’*, *uslūb al-amr*, *uslūb al-nahy*, *uslūb al-istifhām*, *uslūb al-nida’*, *al-fasl*, *al-wasl*, *al-tawkid*, *al-ijāz* dan *al-itnāb*. Beliau menjelaskan secara ringkas wujud persamaan ayat kata tanya antara BA dan BM. Persamaan ini tidak terbatas kepada penggunaan satu patah perkataan dalam bentuk kata tanya sahaja. Sebaliknya terkeluar makna ayat kata yang hakiki kepada makna yang lain.

Muhammad Bakhir Hj. Abdullah (1999) dalam tesis bertajuk *Zāhirah al-Asālīb al-Balāghiyyah fī al-Arabiyyah wa al-Mālāzīyyah (Dirāsah fī al-Tahlīl al-Taqābuliyyah)*. Tesis ini merupakan sebuah kajian yang terbaik berkaitan kajian kontrastif unsur-unsur balaghah dalam BA dan BM. Ketiga-tiga disiplin ilmu balaghah Arab dibincangkan dalam tesis ini dan dikhususkan bab kedua berkaitan *al-insyā’ al-ṭalaby* yang terdiri daripada *uslūb al-amr*, *uslūb al-nahī*, *uslūb al-istifhām*, *uslūb al-tamanny* dan *uslūb al-nida’*. Dalam bab ini, beliau tidak membincangkan aspek kontrastif dari segi makna hakiki dan bukan hakiki dalam kedua-dua bahasa. Justeru itu, penulis melihat peluang ini dan akan lebih memberi fokus kepada aspek ini secara komprehensif.

Jamsuri Muhammad Shamsudin (2003) dalam disertasinya *Al-Asālīb al-Insyāiyyah bayna Luhghatayni al-‘Arabiyyah wa al-Mālāyūiyyah: Dirāsah Taqābuliyyah memfokuskan al-asālīb al-insyāiyyah* sebagai kajian kontrastif antara BA dan BM. *Al-asālīb al-insyāiyyah* yang terdiri daripada *al-ṭalaby* dan *ghayr al-ṭalaby* menjadi fokus kajian. Menerusi dapatan kajian, beliau menyenarai dan meramalkan kesukaran atau halangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam mempelajari aspek gaya bahasa ini. Beliau juga tidak menyentuh kajian kontrastif dari aspek makna hakiki dan makna bukan hakiki secara detil dalam semua gaya bahasa ini.

Dalam buku karya Mohd Zaki Abd Rahman dan Che Radiah Mezah (2013) yang bertajuk; *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab*. Dalam buku ini terdapat perbincangan kategori ayat pertanyaan; ayat pertanyaan biasa dan ayat pertanyaan bercirikan balaghah. Mereka menyenarai lapan makna implikatur ayat pertanyaan BM berserta dengan contoh-contoh. Kelapan-lapan makna implikatur ini merupakan adaptasi daripada balaghah Arab.

Fauzi Azmi (2016) dalam tesis PhD yang bertajuk; *Gaya Bahasa Permintaan: Satu Kajian Kontrastif antara Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu* telah membincang dan menghuraikan secara komprehensif unsur persamaan dan perbezaan ayat tanya dalam BA dan BM. Perbincangan yang merangkumi disiplin ilmu morfologi, sintaksis, retorik, semantik dan pragmatik. Beliau turut membuat perbandingan terhadap persamaan dan perbezaan makna dalam aspek eksplisit, implisit dan implikatur.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan kajian deskriptif. Data kualitatif dikenal pasti dan dianalisis secara induktif dan deskriptif bagi mencapai objektif kajian. Proses pertama ialah mengenal pasti bentuk atau struktur ayat pertanyaan yang terdapat dalam BA dan BM. Proses kedua pula ialah membandingkan persamaan struktur ini dalam kedua-dua bahasa; iaitu BA dan BM. Teori Struktural dan pragmatik diaplikasikan dalam menjalankan proses kontras antara dua bahasa ini. Berdasarkan teori Struktural, bahasa adalah dibina daripada unit-unit yang lebih kecil kepada unit-unit yang lebih

besar. Huraian tentang bahasa di bawah model ini dibuat daripada unit fonem, kemudian morfem dan seterusnya sintaksis. Model pragmatik melalui Teori Relevans sebagai landasan dalam menganalisis dan menginterpretasi makna ujaran ayat kata tanya. Melalui perbandingan dua bahasa itu dapat dikenal pasti persamaan dan perbezaan struktur ayat tanya dalam BA dan BM.

Dapatan Kajian

Aspek Persamaan Kata Tanya antara BA dengan BM

Terdapat 11 ciri persamaan antara kata tanya antara BA dengan BM:

- (1) Ayat tanya dalam kedua-dua bahasa menggunakan partikel kata tanya tertentu dalam pembinaannya. Dalam BA ada 11 partikel kata tanya Faḍl (1992). Dalam BM ada juga terdapat 11 partikel kata tanya (Nik Safiah et al, 2013).
- (2) Ada ketika ayat tanya tidak menggunakan partikel/kata tanya. Dalam situasi begini ayat tanya difahami melalui intonasi penuturnya. Contoh dalam BA; “علي صادق؟” (al-Mumani, 2007). Contoh dalam BM; “Pegawai itu pengurus?” (Nik Safiah et al, 2013).
- (3) Partikel kata tanya ada yang terdiri daripada kata asal (tulen) dan ada yang dibina dengan gabungan perkataan lain. Contoh kata asal (tulen) dalam BA; “ما اسمك؟”. Contoh yang dibina dengan gabungan perkataan lain dalam BA; “لم تقولون ما لا تفعلون؟” (al-awsy, 1988). Contoh kata asal (tulen) dalam BM; “Siapa gurunya?” dan contoh ayat yang dibina dengan perkataan lain dalam BM; “Siapakah gurunya?” (Nik Safiah et al, 2013).
- (4) Pembentukan kata tanya dalam BA dan BM dalam dua keadaan: (a) dalam bentuk satu perkataan, dan; (b) dalam bentuk dua perkataan. Contoh dalam satu perkataan dalam BA; “أين تقع الزقازيق؟”. Contoh dalam bentuk dua perkataan dalam BA; “من أين لك هذا؟”. Pembentukan kata tanya dalam BM pula, ia dibentuk dalam dua keadaan: (a) Dalam bentuk satu perkataan, seperti berapa, bagaimana, bila, mengapa, kenapa, apa, siapa dan mana; (b) Dalam bentuk dua perkataan, seperti: di mana, dari mana, ke mana, sejak bila, sampai bila, hingga bila, dengan siapa, daripada siapa, untuk siapa, macam mana, dengan apa, untuk apa, daripada apa, dan sebagainya. (Nik Safiah et al, 2013).
- (5) Kata tanya dalam kedua-dua bahasa memerlukan jawapan, sama ada dalam jawapan bentuk *tasawwur* (terbuka) atau *tasdiq* (tertutup). *Tasawwur* ialah pengesahan kepada pertanyaan yang memerlukan pemilihan salah satu jawapan yang disertakan. Contoh *tasawwur* (terbuka) dalam BA; “Adakah kamu pensyarah atau pelajar?”. Contoh ayat tanya terbuka dalam BM; “Apakah benda itu?”. *Tasdiq* (tertutup) ialah sesuatu pertanyaan yang memerlukan jawapan ya atau tidak. Contoh pertanyaan bentuk *tasdiq* (tertutup) dalam BA; “Adakah kamu mencintai ilmu?” (8). Contoh ayat tanya tertutup dalam BM; “Encik Zulkifli pengurusnya?” (Faḍl, 1992 & Nik Safiah et al, 2013; 448).
- (6) Dalam aspek masa, ayat tanya ada yang menunjukkan masa lampau, kala kini dan akan datang. Dalam kalangan para sarjana nahu ada dua pendapat berkaitan makna kata tanya dari perspektif masa; (a) Pendapat pertama ialah pandangan Ibn Sīdah yang menjelaskan bahawa setiap kata kerja selepas kata tanya memberi makna kejadian pada masa yang datang. Pendapat ini disangkal oleh majoriti sarjana nahu yang lain. (b) Pendapat kedua, yang merupakan pandangan majoriti sarjana nahu iaitu makna dari segi masa di sebalik kata kerja selepas kata tanya berada dalam tiga situasi; (a) masa lampau; (b) kala kini; dan (c) akan datang. Penentuan masa tertentu ini bergantung kepada konteks dan situasi ayat itu sendiri. (Qais Ismail, 1999). Dalam aspek ini, penulis sendiri lebih cenderung memihak kepada pendapat kedua berdasarkan hujah-hujah yang dibawa oleh mereka untuk menyangkal pendapat Ibn Sīdah, antara hujah tersebut ialah, firman Allah S.W.T: Maksudnya: “Maka apakah kamu telah memperoleh dengan sebenarnya (azab) yang Tuhan kamu

menjanjikkannya (kepadamu)?" mereka (penduduk neraka) menjawab: "Ya", (al-Ārāf, :44) Berdasarkan hujah di atas menjelaskan bahawa selepas partikel kata tanya “hal /apakah” terdapat kata kerja lampau; dengan ini ia memberi makna baharu dari aspek masa bagi menyangkal pandangan Ibn Sīdah yang menyatakan bahawa masa untuk kata tanya, hanya khusus kepada kata kerja kala kini sahaja. Di samping itu ada juga bentuk soalan-soalan biasa seumpama maksud sebegini dalam BM, seperti: “هل قام زيد أمس؟” dan “هل أنت قائم أمس؟”. Dalam aspek ini, walaupun para sarjana bahasa Melayu tidak membincangkan secara khusus tetapi para hemat penulis ianya tetapi ada. Pada realitinya ayat tanya BM juga boleh diklasifikasikan mengikut masa berdasarkan konteks ayat. Sebagai contoh ayat kata masa lampau; “Adakah awak pernah belajar di sini?”. Ayat tanya kala kini; “Siapa Guru Besar sekarang?” dan ayat tanya akan datang; “Bolehkah awak tolong saya esok?”

- (7) Ada partikel kata tanya dalam kedua-dua bahasa boleh berada di awal kata kerja dan awal kata nama. Dalam BA ada beberapa partikel kata tanya yang boleh berada dalam dua keadaan, iaitu; pada ayat kerjaan dan awal ayat namaan seperti; hal, hamzat, man, mata, `ayna, kayfa, `anna dan `ayyana. Contoh di awal kata kerja: “هل يذهب محمد إلى الجامعة”. Contoh di awal ayat kata nama: “هل المسجد قريب من هنا?”. Partikel kata tanya yang hanya berada di awal ayat namaan sahaja iaitu: kam dan `ayyu. Contoh; “كم طالبا في الكلية” (Majhad et al. 1993). Dalam BM, kata tanya di awal ayat kata kerja dan kata nama, seperti partikel berapa, bagaimana, bila, mengapa dan kenapa. Contoh; “Bila Ahmad sakit?”, “Bila Kamil pulang ke kampung?”. Partikel kata tanya yang hanya berada di awal ayat namaan ialah; berapa dan yang mana satu. Contoh; “berapa jumlah pelajar yang ada di asrama?”, “Yang mana satukah universiti pilihan kamu?”
- (8) Terdapat kata tanya dalam kedua-dua bahasa yang dikhususkan untuk orang berakal dan kepada objek yang tidak berakal (Ahmad et al. 1998 & Nik Safiah et al. 2013). Contoh untuk orang yang berakal dalam BA; “من مدير المدرسة”. Dalam BM; “Siapakah bersama kamu?”. Kata tanya digunakan kepada objek yang tidak berakal contoh dalam BA “أين مسجد؟”. Contoh dalam BM; “Apakah jenis tunggangan kamu?, Adakah ia kuda atau unta?” (Fauzi Azmi, 2016).
- (9) Ayat tanya dalam kedua-dua bahasa menggunakan tanda soal di akhir ayat tanya (al-Mumani 2007 & Nik Safiah et al. 2013)
- (10) Dalam aspek semantik, ayat tanya dalam kedua-dua bahasa ada mengandungi makna eksplisit (hakiki) dan implisit (bukan hakiki) (Fauzi Azmi, 2016).
- (11) Terdapat 55 daripada 61 makna ayat tanya bukan hakiki (implisit) yang sama dalam kedua-dua bahasa ini (Fauzi Azmi, 2016). Jadual di bawah menjelaskan persamaan makna tersebut:

Jadual 1. Persamaan Makna-makna ayat Tanya Implisit (bukan hakiki) dalam BA dan BM

No.	Kata Tanya Implisit (Bukan Hakiki)	Bahasa Arab	BahasaMelayu
1	Laras tanya penetapan	✓	✓
2	Laras tanya pemberitahuan	✓	✓
3	Laras tanya penangguhan	✓	✓
4	Laras tanya pengecualian	✓	✓
5	Laras tanya nasihat	✓	✓
6	Laras tanya kemegahan	✓	✓
7	Laras tanya tunjuk kepuasan	✓	✓
8	Laras tanya perintah	✓	✓
9	Laras tanya sangkal	✓	✓
10	Laras tanya putus asa	✓	✓

11	Laras tanya keyakinan	✓	✓
12	Laras tanya pengukuhan	✓	✓
13	Laras tanya teguran	✓	✓
14	Laras tanya buat-buat jahil	✓	✓
15	Laras tanya amaran	✓	✓
16	Laras tanya tuntutan dengan lemah lembut	✓	✓
17	Laras tanya hina	✓	✓
18	Laras tanya peringatan	✓	✓
19	Laras tanya tarikan	✓	✓
20	Laras tanya memudahkan	✓	✓
21	Laras tanya setara	✓	✓
22	Laras tanya takjub	✓	✓
23	Laras tanya agungan	✓	✓
24	Laras tanya terkejut	✓	✓
25	Laras tanya kebesaran	✓	✓
26	Laras tanya pengecualian	✓	✓
27	Laras tanya tentang kuantiti	✓	✓
28	Laras tanya angan-angan	✓	✓
29	Laras tanya pemakluman	✓	✓
30	Laras tanya ugut	✓	✓
31	Laras tanya sindir	✓	✓
32	Laras tanya gerun	✓	✓
33	Laras tanya cela	✓	✓
34	Laras tanya doa	✓	✓
35	Laras tanya ingat dengan lemah lembut	✓	✓
36	Laras tanya tuntutan dengan keras	✓	✓
37	Laras tanya nafi	✓	✓
38	Laras tanya larangan	✓	✓
39	Laras tanya janji buruk	✓	✓
40	Laras tanya dusta	✓	✓
41	Laras tanya arahan tidak langsung	✓	✓
42	Laras tanya pemisah	✓	✓
43	Laras tanya sambungan	✓	✓
44	Laras tanya persetujuan	✓	✓
45	Laras tanya dengan isyarat/symbol	✓	✓
46	Laras tanya penjelasan	✓	✓
47	Laras tanya mendapat maklumat dengan secara tidak langsung	✓	✓
48	Laras tanya helahan	✓	✓
49	Laras tanya lepas diri	✓	✓
50	Laras tanya murka/marah	✓	✓
51	Laras tanya keliru	✓	✓
52	Laras tanya pengulangan	✓	✓
53	Laras tanya memberi jawapan dengan tepat	✓	✓
54	Laras tanya pendirian tetap	✓	✓
55	Laras tanya penukaran fikiran	✓	✓

Kesimpulan

Kajian ini mencapai objektif dengan memaparkan 11 persamaan ayat tanya antara BA dengan BM. Persamaan ini dapat mempercepatkan kefahaman dan membantu pembelajaran penutur bukan jati BA. Hasil kajian yang memaparkan persamaan pada struktur ayat sintaksis, balaghah, semantik dan pragmatik. Di samping itu, dapat membuka dimensi baharu dalam balaghah/semantik/pragmatik Melayu dan genre kesusasteraan Melayu. Dapatan kajian juga berjaya menghasilkan senarai 55

persamaan makna eksplisit, implisit dan implikatur yang merupakan dapatan baharu yang sangat menarik dalam BM. Kajian ini boleh dimanfaatkan untuk para pelajar yang belajar subjek balaghah di sekolah mahupun di universiti. Bagi para guru dan para pensyarah dengan mengaplikasikan hasil kajian kontrastif ini pasti dapat mempercepatkan kefahaman subjek balaghah dalam kalangan pelajar.

Rujukan

- Ensiklopedia Islam Safir* (2000). Hasan Basri Awang Mat Dahlan et al. (Ter.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 15.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-‘Awsiy, Q. I. (1988). *Asālīb al-Ṭalab ‘inda al-Nahwiyyin wa al-Balāghhiyyin*. Iraq: Universiti Baghdad.
- Al-Mumani, A. A. R. (2007). *Contrastive Linguistics: Interrogative Between Arabic and English*. ‘amman: Dar al-Thaqafah.
- Faḍl Šālīḥ al-Samāra’iy. (2003). *Ma‘ani al-Nahw*. ‘ammān: Dār al-Fikr.
- Asmah Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faḍl Ḥasan ‘Abbās. (1985). *al-Balāghah: Funūnuhā wa Afnānuhā*. ‘amman: Dār al-Furqān.
- Fauzi Azmi. (2016) *Gaya Bahasa Permintaan: Satu Kajian Kontrastif Antara Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu*. [Unpublished Doctoral Dissertation]. Universiti Malaysia Terengganu.
- Jamsuri Muhammad Shamsudin. (2003). *al-Asālīb al-Insya’iyyah bayna al-Lughatayni al-‘arabiyyah wa al-Malāyūiyyah: Dirāsah Taqābuliyyah*. [Unpublished Master’s Thesis]. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Lado, R. (1980). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Maḥmūd Fahmi Ḥijāziy. (1973). *‘ilm al-Lughah al-‘arabiyyah*. Kaherah. Dar Gharīb.
- Maḥmūd Jadd Rabb. (1998). *‘ilm al-Lughah: Nasyātuhu wa Taṭawwuruḥu*. Kaherah: Dār al-Ma‘arif.
- Mohd Zaki Abd Rahman & Che Radiah Mezah Balaghah. (2013). *Melayu Berdasarkan Balaghah Arab*, Serdang: UPM Press.
- Muhammad Bakhir Hj. Abdullah (1999). *Zāhirah al-Asālīb al-Balāghhiyyah fī al-‘arabiyyah wa al-Malāziyyah (Dirāsah fī al-Taḥlīl al-Taqībūliyyah)*. [Unpublished academic exercise]. Universiti Asyut & Akademi Oxford for Advanced Studies.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Ahmad. (1999) Ilmu Ma‘ani: Kajian Perbandingan dengan Bahasa Melayu: *Prosiding Seminar Balaghah (Retorik) Arab-Melayu, Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam* (pp15-32), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Bin Umar. (1994). *al-Asālīb al-Tarkībīyyah fī al-Lughatayni al-‘arabiyyah wa al-Malāyūiyyah: Dirāsah Waṣfiyyah Taqābuliyyah*. [Unpublished Master’s Thesis]. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.